

# Bahagian Kewangan unggul Konvensyen 5S UMSKAL

UB 12.6.2013 83

**BAHAGIAN** Kewangan mengungguli Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti 5S peringkat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2013 di Dewan Theatre universiti itu kelmarin.

Kumpulan itu membawa pulang hadiah wang tunai RM500 dan piala pusingan.

Bahagian Kewangan juga akan mewakili UMSKAL ke Konvensyen 5S peringkat Wilayah Sabah, Sarawak dan Labuan di Kota Kinabalu pada bulan depan.

Naib johan kumpulan Olga Squad Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) yang meraih RM300 dan ketiga kumpulan SUKOM (Bahagian Sukan dan Kokurikulum) yang memenangi RM200.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim yang mewakili

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Pustakawan Kanan, Baharin Entoh yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengelola.

Konvensyen yang julung kalinya diadakan itu diadili Pegawai Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Sabah, Edward Binty.

Turut mengambil bahagian Pejabat Pengarah, Pentadbiran, PPIB, Bahagian Perkhidmatan Akademik, SPKAL, HEP, ICT BPKI, BPP, D'Force, Library dan Kolej KAL.

Dalam ucapan perasmianya, Ismail berharap semua pegawai dan kakitangan akan sentiasa mengamalkan 5S untuk meningkatkan produktiviti, prestasi kakitangan dan kesselesaian pelanggan.



**AG ASRI** (berdiri tujuh kiri) bersama Kumpulan Kewangan, Olga SSIL dan SUKOM pada Konvensyen Amalan 5S peringkat UMS Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin.